

Pertimbang tawaran Maju Holdings

Oleh **SITI NURSYAKIRAH
SAHARUDIN dan HASIF IDRIS**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 2 JULAI**

KERAJAAN boleh mempertimbangkan semula tawaran yang dibuat oleh Maju Holdings Sdn. Bhd. (Maju Holdings) berhubung hasrat pengambilalihan PLUS Malaysia Bhd. (PLUS).

Cadangan itu dilontarkan oleh Pakar Ekonomi dari Putra Business School, **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** yang menyarankan pihak kerajaan supaya tidak menolak terus tawaran yang diberikan oleh syarikat swasta itu sebaliknya meneliti kesemua kertas cadangan secara terperinci.

Beliau berkata, penelitian itu juga penting supaya segala janji yang diberikan seperti pengurangan kadar tol dapat direalisasikan dan bukan hanya sekadar 'tawaran manis'.

"Jangan tolak terus, pertimbangkan semula kertas cadangan secara terperinci. Kita juga tak nak keluar dari mulut buaya,



ABU SOFIAN YAACOB



BARJOYAI BARDAI

masuk mulut harimau, maknanya apabila syarikat sudah ambil alih empat lebuh raya bertol itu, kita takut kadar tol tak turun dan silap hari bulan akan naik lagi.

"Belum dapat memanglah janji bulan dan bintang, tetapi apabila sudah dapat seribu alasan diberikan seperti kos naik dan sebagainya. Malah bukan Maju Holdings sahaja, tawaran juga perlu dibuka kepada syarikat lain yang berminat sebab melibatkan perniagaan secara tunai dan sistem bidaan perlu dilakukan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai Analisis Berita di *Utusan Ma-*

aysia hari ini yang menyatakan kebimbangan beberapa pihak yang tidak bersetuju dengan tawaran oleh Maju Holdings itu sedangkan syarikat tersebut mempunyai rekod prestasi dan pengalaman perniagaan yang terbukti sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Dalam pada itu, Pensyarah Ekonomi, Universiti Tun Abdul Razak (UniRazak), **Prof. Dr. Barjoyai Bardai** berpandangan sebaliknya dan berkata, kerajaan tiada sebab untuk menjual PLUS kepada mana-mana pihak kerana pengendali konsesi lebuh raya itu telah melakukan yang terbaik sepanjang diterajui oleh UEM Group (UEM), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah).

"Maju Holdings tiada kapasiti, kerajaan tiada sebab untuk menjual lebuh raya itu. PLUS berjalan dengan lancar di bawah KWSP, Khazanah dan UEM," jelasnya.